

# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR  
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

MEI 1994

*Adalah disyorkan bahawa tesis ini yang*

*disediakan oleh* : HASLINA BT CHAN @ HASSAN

*bertajuk* : KAJIAN PERANCANGAN DAN PERLAKSANAAN  
: KAWASAN PELANCONGAN BERASASKAN PERTANIAN  
KAJIAN KES : TANJUNG DAWAI, KEDAH

*diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk  
Diploma Lanjutan Perancangan Bandar dan Wilayah*

Bahagian Rujukan & Pendaftaran  
Perguruan Tinggi  
Institut Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor Darul Ehsan.

*Diluluskan :*

*Panel Penilai :*

  
EN. ZAKARIA BIN AHMAD

  
EN. ROSMIN BIN TALIB

*Penyelia :*

  
( PUAN SALEHATON HJ HUSSEIN SAZALLY )

THESIS

KAJIAN PERANCANGAN DAN PERLAKSANAAN  
KAWASAN PELANCONGAN BERASASKAN PERTANIAN

I



dyman Pembaca  
dul Razak  
MARA  
iam  
lsam.

erluan  
Wilayah

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah  
Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur  
Institut Teknologi Mara  
Shah Alam

Mei 1994

FOTOSTOP NOOK BIRANGAN

|                      |      |
|----------------------|------|
| Pengesahan Jabatan   |      |
| Tajuk                |      |
| Penghargaan          | i    |
| Abstrak              | ii   |
| Senarai Jadual       | iii  |
| Senarai Rajah        | iv   |
| Senarai Pelan        | v    |
| Senarai Gambar Foto  | vi   |
| Senarai Lampiran     | vii  |
| Senarai Singkat Kata | viii |

## KANDUNGAN

|              |  |    |
|--------------|--|----|
| <b>BAB 1</b> | <b>PENDAHULUAN</b>                           |    |
| 1.1          | Pengenalan                                   | 1  |
| 1.2          | Kenyataan Masalah                            | 5  |
| 1.3          | Kawasan Kajian                               | 7  |
| 1.4          | Tujuan Kajian                                | 8  |
| 1.5          | Objektif Kajian                              | 9  |
| 1.6          | Skop Kajian                                  | 10 |
| 1.7          | Batasan Kajian                               | 12 |
| 1.8          | Kaedah Kajian                                | 12 |
| <b>BAB 2</b> | <b>KAJIAN LATAR BELAKANG</b>                 |    |
| 2.1          | Pengenalan                                   | 17 |
| 2.2          | Pelancongan                                  | 17 |
| 2.2.1        | Definisi Pelancongan                         | 18 |
| 2.2.2        | Definisi Pelancong                           | 19 |
| 2.2.3        | Definisi Pengunjung                          | 20 |
| 2.2.4        | Pendekatan Perancangan<br>Pelancongan        | 21 |
| 2.2.5        | Komponen-komponen Pembangunan<br>Pelancongan | 23 |

|              |   |    |
|--------------|---|----|
| 2.3          | Pelancongan Berasaskan Pertanian                            | 26 |
| 2.3.1        | Definisi Pelancongan Berasaskan Pertanian                   | 26 |
| 2.3.2        | Tujuan Pembangunan Pelancongan Berasaskan Pertanian         | 28 |
| 2.3.3        | Konsep Pelancongan Berasaskan Pertanian                     | 29 |
| 2.3.4        | Kriteria Pemilihan Kawasan                                  | 31 |
| 2.4          | Pembangunan Pelancongan Berasaskan Pertanian Di Luar Negeri | 34 |
| 2.4.1        | Pelancongan Berasaskan Pertanian Di Australia               | 34 |
| 2.4.2        | Pelancongan Berasaskan Pertanian Di New Zealand             | 39 |
| 2.5          | Pembangunan Pelancongan Berasaskan Pertanian Di Malaysia    | 41 |
| 2.5.1        | Latarbelakang Pelancongan Berasaskan Pertanian Di Malaysia  | 41 |
| 2.5.2        | Jawatankuasa Perlaksanaan Pelancongan Berasaskan Pertanian  | 43 |
| 2.5.3        | Peruntukan Kewangan   | 45 |
| 2.5.4        | Perkhidmatan Pemasaran Dan Penggalakkan                     | 45 |
| 2.5.5        | Pihak-Pihak Yang Terlibat                                   | 48 |
| 2.5.6        | Tindakan-Tindakan Jawatankuasa Perlaksanaan Agrotourism     | 49 |
| 2.6          | Objektif Dasar Dan Strategi Pelancongan Negara              | 52 |
| 2.7          | Kesimpulan  | 60 |
| <b>BAB 3</b> | <b>KAWASAN KAJIAN</b>                                       |    |
| 3.1          | Pengenalan  | 62 |
| 3.2          | Latar Belakang Kawasan Kajian                               | 63 |
| 3.2.1        | Lokasi  | 63 |
| 3.2.2        | Penduduk  | 66 |
| 3.3          | Persatuan Nelayan Kawasan Tanjung Dawai                     | 67 |
| 3.3.1        | Aktiviti  | 68 |

|              |   |     |
|--------------|---|-----|
| 3.4          | Unsur-Unsur Tarikan Pelancongan   | 70  |
| 3.4.1        | Ternakan Ikan Dalam Sangkar   | 70  |
| 3.4.2        | Ternakan Udang Dalam Kolam  | 71  |
| 3.4.3        | Aktiviti Lelongan Ikan  | 72  |
| 3.4.4        | Medan Jualan Hasil Perikanan  | 73  |
| 3.4.5        | Memancing Di Kepulauan<br>Berhampiran   | 75  |
| 3.4.6        | Suasana Perkampungan Nelayan  | 75  |
| 3.4.7        | Pusat-Pusat Tarikan Pelancongan<br>Berhampiran                                | 76  |
| 3.5          | Kemudahan-Kemudahan Pelancongan   | 81  |
| 3.5.1        | Kemudahan Penginapan  | 81  |
| 3.5.2        | Kemudahan-Kemudahan Sokongan  | 83  |
| 3.5.3        | Infrastruktur Pengangkutan  | 85  |
| 3.6          | Kesimpulan  | 86  |
| <b>BAB 4</b> | <b>ANALISIS DAN PENEMUAN</b>  |     |
| 4.1          | Pengenalan  | 87  |
| 4.2          | Analisis Pengunjung   | 88  |
| 4.2.1        | Struktur Pengunjung   | 88  |
| 4.2.2        | Aspek Tarikan Dan Kekerapan   | 100 |
| 4.2.3        | Aspek Kemudahan   | 109 |
| 4.2.4        | Lain-lain   | 110 |
| 4.3          | Analisis Pengusaha  | 110 |
| 4.3.1        | Jenis Pengusaha   | 111 |
| 4.3.2        | Taraf Hakmilik  | 115 |
| 4.3.3        | Bantuan Kerajaan  | 116 |
| 4.3.4        | Latihan Dan Khidmat Nasihat   | 116 |
| 4.4          | Analisis Agensi/Jabatan   | 118 |
| 4.4.1        | Analisis Peranan Agensi/Jabatan   | 118 |
| 4.4.2        | Analisis Perancangan Dan<br>Perlaksanaan                                      | 122 |
| 4.4.3        | Analisis Ke Atas Produk Pelancongan   | 123 |
| 4.4.4        | Analisis Terhadap Program-Program<br>Pengalakkan Dan Pemasaran<br>Pelancongan | 124 |
| 4.4.5        | Analisis Penentuan Pengusaha Yang<br>Terlibat                                 | 125 |
| 4.5          | Analisis Alam Sekitar   | 126 |

|              |  |     |
|--------------|--|-----|
| 4.6          | Penemuan Isu Dan Masalah   | 127 |
| 4.6.1        | Pencemaran Air Dan Hakisan Pantai  | 127 |
| 4.6.2        | Pekej Pelancongan Yang Ditawarkan Adalah Mahal                                   | 129 |
| 4.6.3        | Masalah Kewangan   | 130 |
| 4.6.4        | Kurangnya Promosi Penggalakkan Dan Pemasaran                                     | 131 |
| 4.6.5        | Kurangnya Latihan Dan Pengalaman   | 132 |
| 4.6.6        | Kelemahan Perancangan Dan Perlaksanaan Agensi                                    | 133 |
| 4.6.7        | Kurang Kerjasama Dari Penduduk Tempatan  | 134 |
| 4.7          | Kesimpulan   | 137 |
| <b>BAB 5</b> | <b>CADANGAN</b>  |     |
| 5.1.         | Pengenalan   | 140 |
| 5.2          | Pembentukan Objektif Dan Strategi Penyelesaian                                   | 140 |
| 5.3          | Pendekatan Perancangan Dan Perlaksanaan Kawasan Pelancongan Berasaskan Pertanian | 142 |
| 5.3.1        | Cadangan Dan Garispanduan Dari Aspek Fizikal                                     | 143 |
| 5.3.2        | Cadangan Dan Garispanduan Dari Aspek Sosial                                      | 152 |
| 5.3.3        | Cadangan Dan Garispanduan Dari Aspek Pengurusan, Penyelarasan Dan Kawalan        | 156 |
| 5.4          | Kesimpulan   | 169 |
| <b>BAB 6</b> | <b>PENUTUP</b>   |     |
| 6.1          | Penutup  | 171 |

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah  
Yang Maha Pemurah Dan Maha Penyayang

Bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan izinnya dan kurnianya maka saya telah dapat menyiapkan latihan ilmiah ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya rakamkan kepada penyelia tesis ini iaitu Puan Salehaton Hussain Szally di atas segala bimbingan, dorongan, nasihat dan kritikan di sepanjang penulisan latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga ucapan ini ditujukan kepada semua pensyarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah Institut Teknologi Mara, Shah Alam yang turut membimbing dan memberi tunjuk ajar sepanjang pengajian saya di sini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pegawai agensi dan jabatan serta pengusaha yang terlibat terhadap kerjasama dan bantuan yang diberikan di dalam penyelidikan tesis ini terutamanya Encik Nik Abdul Kadir Bin Nik Mohammad, Encik Mohd. Nasir Bin Ismail, Haji Abdul Hamid Bin Haji Zainul Abidin dan Saudara Khairul Ammar Bin Md. Isa.

Akhir sekali saya ingin menyampaikan ucapan ribuan terimakasih kepada emak, bapa, abang dan kakak yang telah memberi sokongan moral di dalam usaha menyiapkan tesis ini. Tidak ketinggalan juga ucapan terimakasih ditujukan kepada rakan-rakan iaitu Noor Akmal, Masvizah, Rohana, Rosnah, Nurizah, Azlan, Aizul, Alias, Azhar, Halim, Hasnul, Mazlan, Rizal, Lokman, Jamil, Rogayah dan Rosyidah yang telah banyak membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

COPYRIGHT © UiTM

## ABSTRAK

Pelancongan berasaskan pertanian merupakan salah satu produk pelancongan yang ditawarkan di Malaysia. Konsep pelancongan ini telah lama dilaksanakan oleh penduduk-penduduk tempatan tetapi penekanan terhadapnya dilakukan pada tahun 1992 apabila ia dikenalpasti berpotensi untuk dimajukan. Antara tujuan utama konsep pelancongan berasaskan pertanian diperkenalkan adalah untuk mempelbagaikan produk-produk pelancongan negara, melibatkan masyarakat luar bandar di dalam industri pelancongan, memelihara alam sekitar dan memperkenalkan sumber-sumber pertanian negara ini. Pelancongan berasaskan pertanian melibatkan tiga komponen utama iaitu tanaman, ternakan dan perikanan. Aktiviti-aktiviti perikanan seperti menangkap ikan, menternak udang atau memproses makanan hasil dari perikanan merupakan antara daya tarikan pelancongan pertanian yang terdapat di Malaysia. Pembangunan industri pelancongan berasaskan pertanian di Malaysia melibatkan pelbagai agensi dan institusi pertanian. Masalah utama pelaksanaan kawasan pelancongan berasaskan pertanian ialah kelemahan perancangan dan pelaksanaan agensi dan jabatan yang terlibat, kurang promosi penggalakkan dan pelancongan, masalah kewangan dan kurangnya kerjasama dari penduduk tempatan. Untuk mengatasi masalah-masalah tersebut perancangan dan pelaksanaan kawasan pelancongan berasaskan pertanian yang sempurna dan tersusun adalah perlu. Walaubagaimanapun kerjasama yang erat antara agensi dan institusi terbabit dengan penduduk tempatan adalah penting untuk memastikan pembangunan yang dirancang dan akan dilaksanakan berjaya.

## SENARAI JADUAL

|             |  |     |
|-------------|--|-----|
| Jadual 4.1  | : Kedatangan Pengunjung Mengikut Bangsa  | 89  |
| Jadual 4.2  | : Pengunjung Mengikut Umur Dan Jantina   | 90  |
| Jadual 4.3  | : Jumlah Pengunjung Mengikut Pekerjaan   | 92  |
| Jadual 4.4  | : Jumlah Pengunjung Mengikut Pendapatan  | 93  |
| Jadual 4.5  | : Tempat Asal Pengunjung   | 95  |
| Jadual 4.6  | : Cara Pengunjung Mendapat Tahu  | 96  |
| Jadual 4.7  | : Corak Kunjungan Pengunjung   | 97  |
| Jadual 4.8  | : Cara Datang  | 99  |
| Jadual 4.9  | : Kekerapan Dan Tempat Asal Pengunjung   | 101 |
| Jadual 4.10 | : Tujuan Utama Datang  | 103 |
| Jadual 4.11 | : Sebab Memilih Kawasan Ini  | 104 |
| Jadual 4.12 | : Unsur Tarikan Utama Pelancongan  | 106 |
| Jadual 4.13 | : Pelancong Yang Bermalam  | 108 |
| Jadual 4.14 | : Jenis Pengusaha  | 111 |
| Jadual 4.15 | : Kadar Bayaran Setiap Produk Pelancongan  | 123 |
| Jadual 5.1  | : Garis Panduan Pemilihan Potensi Kawasan<br>Pelancongan Berasaskan Pertanian<br>(perikanan) | 145 |

## SENARAI RAJAH

|           |  |    |
|-----------|--|----|
| Rajah 1.1 | : Cartalir Kajian  | 15 |
| Rajah 2.1 | : Peringkat-Peringkat Asas Dalam Perancangan Pelancongan | 22 |
| Rajah 2.2 | : Komponen-Komponen Perancangan Pelancongan              | 24 |

## SENARAI PELAN

|         |   |    |
|---------|---|----|
| Pelan 1 | : Lokasi Kawasan Kajian Dalam Konteks Malaysia                            | 64 |
| Pelan 2 | : Lokasi Kawasan Kajian   | 65 |
| Pelan 3 | : Unsur-Unsur Tarikan Pelancongan Di Tanjung Dawai Dan Kawasan Sekitarnya | 80 |

## SENARAI GAMBAR FOTO

|                 |   |    |
|-----------------|---|----|
| Gambar Foto 1 : | Memetik buah-buahan di ladang-ladang merupakan salah satu aktiviti menarik yang ditawarkan oleh pelancongan berasaskan pertanian.   | 35 |
| Gambar Foto 2 : | Menyusukan anak biri-biri merupakan salah satu pengalaman manis yang akan di alami bagi pelancong-pelancong yang menyertai 'farm holiday' di Australia.                               | 36 |
| Gambar Foto 3 : | Bagi yang berminat, mereka boleh menyertai aktiviti-aktiviti perladangan seperti mengumpul biri-biri atau lain-lain binatang ternakan.  | 36 |
| Gambar Foto 4 : | Bagi yang berminat untuk bersiar-siar sambil menikmati keindahan kawasan ladang dan sekitarnya, mereka boleh menunggang kuda-kuda peliharaan petani dan penternak di tempat tersebut. | 37 |
| Gambar Foto 5 : | Bagi yang berminat untuk bersiar-siar sambil menikmati keindahan kawasan ladang dan sekitarnya boleh menunggang kuda-kuda peliharaan petani dan penternak di tempat tersebut.         | 37 |
| Gambar Foto 6 : | Pelancong-pelancong dibawa ke ladang-ladang ternakan untuk merasai pengalaman untuk menjaga binatang-binatang ternakan tersebut.  | 40 |
| Gambar Foto 7 : | Satu keluarga pelancong merasai pengalaman baru menjaga anak biri-biri.   | 40 |
| Gambar Foto 8 : | Tanjung Dawai terletak di dalam Daerah Kuala Muda.  | 63 |
| Gambar Foto 9 : | Ternakan ikan dalam sangkar yang diusahakan oleh penternak-penternak ikan di Tanjung Dawai.   | 71 |
| Gambar Foto 10: | Kolam-kolam ternakan udang harimau.   | 72 |

|                 |   |     |
|-----------------|---|-----|
| Gambar Foto 11: | Aktivi telongan ikan di Tanjung Dawai.  | 73  |
| Gambar Foto 12: | Gerai-gerai jualan hasil perikanan.   | 74  |
| Gambar Foto 13: | Pantai Merdeka adalah satu-satunya kawasan rekreasi pantai yang terdapat di tanah besar Negeri Kedah. | 78  |
| Gambar Foto 14: | Kawasan hutan bakau yang indah dan menarik.   | 79  |
| Gambar Foto 15: | Chalet terapung Tanjung Dawai.  | 81  |
| Gambar Foto 16: | Ruang tamunya dilengkapi dengan kemudahan televisyen dan 'indoor game'.                               | 82  |
| Gambar Foto 17: | Kemudahan dapur juga disediakan sekiranya pelancong-pelancong berminat untuk memasak.                 | 83  |
| Gambar Foto 18: | Kompleks perniagaan baru yang dibina untuk menempatkan semula gerai-gerai lama.                       | 84  |
| Gambar Foto 19: | Bot penambang Tanjung Dawai.  | 114 |

## SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran 1 : Borang Soal Selidik Pengunjung  
Borang Soal Selidik Pengusaha  
Borang Soal Selidik Agensi/Jabatan
- Lampiran 2 : Teknik Matrik Hubungkait Permasalahan
- Lampiran 3 : Jawatan Kuasa Induk Perlaksanaan Agrotourism  
Di Malaysia
- Lampiran 4 : Akta Jalan, Parit Dan Bangunan, 1974  
(Akta 133)
- Lampiran 5 : Keratan Akhbar

## SENARAI SINGKAT KATA

|       |   |  |
|-------|---|--|
| JKKK  | - | JAWATAN KUASA KEMAJUAN KAMPUNG                                   |
| JPS   | - | JABATAN PARIT DAN SALIRAN  |
| LKIM  | - | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA                                   |
| LPPM  | - | LEMBAGA PENGGALAKKAN PELANCONGAN MALAYSIA                        |
| MARA  | - | MAJLIS AMANAH RAKYAT   |
| MARDI | - | INSTITUT PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA                         |
| MDKM  | - | MAJLIS DAERAH KUALA MUDA   |
| MATTA | - | PERSATUAN AGENSI-AGENSI PELANCONGAN DAN<br>PENGEMBARAAN MALAYSIA |
| PNK   | - | PERSATUAN NELAYAN KAWASAN  |
| PPRT  | - | PROGRAM PEMBANGUNAN RAKYAT TERMISKIN                             |
| UNDP  | - | UNITED NATION DEVELOPMENT PROGRAMME                              |
| UPAM  | - | PERSATUAN PERLADANGAN BERSATU MALAYSIA                           |

**BAB 1**  
**PENDAHULUAN**

**1.1 PENGENALAN**

Pelancongan telah menjadi suatu aktiviti ekonomi yang penting di dalam pembangunan ekonomi negara. Kepentingannya dapat dilihat daripada sumbangan pertukaran wang asing dari industri pelancongan telah meningkat daripada RM2.8 bilion pada tahun 1989 kepada RM4.5 bilion pada tahun 1990 (Kementerian Kewangan Malaysia, 1992). Perolehan ini meletakkan industri pelancongan di tempat ketiga di belakang sumber pendapatan dari sektor petrolium dan pembuatan pada tahun 1990.

Kepesatan dalam kemajuan industri pelancongan di Malaysia adalah berkait rapat dengan peningkatan taraf hidup, anugerah keindahan alam semulajadi yang menarik, kemajuan yang pesat dalam bidang pengangkutan dan perhubungan yang dapat membantu penawaran pekej pelancongan yang menarik oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta kepada pelancong-pelancong. Komitment yang tinggi oleh kerajaan dalam membangunkan industri pelancongan di dalam negara telah dapat menyediakan iklim pertumbuhan industri pelancongan yang berdayamaju dan berdayatahan.

Berikutan kepesatan perkembangan industri ini, berbagai produk pelancongan diperkenalkan untuk mempelbagaikan daya tarikan pelancongan ke negara ini. Antaranya ialah keindahan alam semulajadi, unsur sosio budaya, makanan tradisional dan aktiviti pertanian.

Walaupun bagaimanapun pelancongan berasaskan pertanian merupakan salah satu produk pelancongan yang telah lama wujud di Malaysia tetapi baru diberikan penekanan oleh kerajaan memandangkan potensi konsep pelancongan ini untuk menarik lebih ramai pelancong ke negara ini.

Sektor pertanian yang selama ini merupakan salah satu kegiatan ekonomi yang penting kepada negara terutamanya di kalangan penduduk luar bandar di dapati dapat memainkan peranan yang lebih dinamik serta memberikan pulangan tinggi berbanding dengan sektor lain apabila unsur-unsur pelancongan digembelinkan. Ini bermakna skop dan senario masa depan sektor pertanian akan dapat diperluaskan lagi serta memberi pulangan yang tinggi kepada sesiapa yang ingin melabur terutamanya petani-petani.

".... Agro-tourism ialah pelancongan berasaskan pertanian. Aktiviti-aktiviti pertanian seperti berladang, menangkap ikan, menuai padi dan lain-lain, serta proses penghasilan barangan dari pertanian dan penyelidikan boleh diperkenalkan kepada pelancong...."  
(Abdul Azis Bin Majid, 1994 ms 1)

Senario semasa dalam bidang pertanian adalah mengusahakan sebidang tanah dengan menanam dan menternak dan seterusnya menuai serta menjual hasil-hasil pertanian untuk mendapatkan sara hidup petani-petani. Unsur-unsur yang terdapat di dalam bidang pertanian jika digunakan sepenuhnya, ianya dapat menjadikan satu kegiatan pertanian yang lebih menarik berbanding dengan apa yang diusahakan sekarang, di mana seorang petani mengusahakan kebun dan ternakannya sendiri dalam suasana yang sunyi dan keseorangan, dengan mengharapkan pendapatan yang diperolehi daripada jualan hasil kebun dan ternakannya.

Sektor pertanian mempunyai keistimewaan dan keunikannya yang tersendiri. Antara ciri-ciri menarik yang terdapat di dalam bidang ini ialah sawah padi yang menghijau, ladang buah-buahan, aktiviti ternak air dan ternakan haiwan. Keistimewaan dan keunikan sedia ada ini akan tambah menarik jika dipelbagaikan dengan berbagai kemudahan dan aktiviti yang menarik.

Salah satu aktiviti pertanian yang mempunyai daya tarikan dan berpotensi untuk dimajukan sebagai unsur tarikan pelancongan ialah aktiviti perikanan/ternak air. Kegiatan-kegiatan perikanan seperti menternak ikan/udang dan menangkap ikan di laut merupakan antara beberapa aktiviti yang menarik minat pelancong.

Di Malaysia, keindahan perkampungan nelayan serta aktiviti penduduknya merupakan salah satu daripada unsur-unsur tarikan pelancongan berasaskan pertanian.

"Mengenai langkah memajukan perkampungan nelayan sebagai pusat pelancongan tani (agro-tourism), Muhaiyaddin (1) berkata Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan terus membantu Kementerian Pertanian mengenalpasti lebih banyak kampung nelayan untuk dimajukan bagi tujuan berkenaan.

Setakat ini, tujuh Persatuan Nelayan Kawasan iaitu di Sepang, Nenasi, Endau, Manjung, Melaka Barat, Melaka Selatan dan Tanjung Dawai, melaksanakan projek tersebut." (Berita Minggu, 17 April 1994)

Aktiviti perikanan merupakan kegiatan ekonomi yang penting bagi masyarakat nelayan. Melalui kegiatan ini mereka menyara kehidupan keluarga masing-masing. Sekiranya aktiviti pelancongan digembelingkan bersama, sudah pasti ia akan dapat memperbaiki kehidupan mereka secara keseluruhannya.

Pelancongan berasaskan pertanian yang diperkenalkan oleh kerajaan antara lain bertujuan untuk menggalakkan penglibatan masyarakat tempatan di dalam sektor pelancongan serta memperkenalkan sumber-sumber pertanian yang terdapat di dalam negara ini. Hasrat ini akan dapat dicapai sekiranya terdapat kerjasama yang erat di antara kedua belah pihak iaitu masyarakat petani, penternak dan nelayan itu sendiri dan kerajaan.

Walaupun bagaimanapun perancangan dan pelaksanaan yang sesuai dan sempurna merupakan faktor utama untuk memajukan sektor pelancongan lebih-lebih lagi terhadap konsep-konsep baru seperti ini.

## 1.2 KENYATAAN MASALAH

Pelancongan berasaskan pertanian merupakan salah satu konsep baru di dalam industri pelancongan di negara ini. Penekanan terhadap pelancongan seperti ini bermula pada tahun 1992 apabila kerajaan menyedari negara ini mempunyai potensi di dalam bidang tersebut. Walaupun bagaimanapun terdapat beberapa masalah yang telah dikenalpasti dalam merancang dan melaksana konsep ini. Masalah-masalah tersebut ialah :-

- a) Agensi-agensi dan pengusaha yang terlibat masih kekurangan pendedahan dan pengalaman dalam mengendalikan kawasan pelancongan berasaskan pertanian sebagai kawasan tarikan pelancongan. Keadaan ini menyebabkan perancangan dan pelaksanaan kawasan yang terlibat kurang menarik dan tidak mampu untuk bersaing dengan negara-negara lain yang lebih berpengalaman di dalam bidang yang sama.

- b) Sumber kewangan yang terhad merupakan salah satu punca yang menyebabkan kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti berpotensi untuk dimajukan sebagai kawasan pelancongan pertanian tidak dapat dibangunkan sebagaimana yang dirancang.
- c) Kurangnya minat dan kerjasama di kalangan penduduk tempatan untuk menyertai sektor ini sama ada secara langsung atau tidak langsung kerana tidak menyedari potensi-potensi yang wujud di dalam bidang tersebut.
- d) Pencemaran alam sekitar tanpa kawalan dari pihak-pihak yang berkenaan juga merupakan salah satu punca yang boleh menyebabkan kawasan-kawasan tarikan pelancongan sedia ada akan terancam.
- e) Kurangnya promosi pemasaran dan penggalakkan pelancongan untuk memperkenalkan kawasan pelancongan berasaskan pertanian ke kawasan luar.

Masalah-masalah yang telah ditimbulkan ini secara tidak langsung merupakan antara faktor-faktor yang membantut serta mengurangkan daya saing kawasan-kawasan pelancongan yang terdapat di negara ini. Sekiranya masalah-masalah tersebut tidak diatasi dengan segera, dasar kerajaan untuk meningkatkan dan memajukan

industri pelancongan di negara ini akan gagal. Negara akan mengalami kerugian dan seterusnya akan mengancam kerjaya pekerja-pekerja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung di bidang tersebut.

### 1.3 KAWASAN KAJIAN

Kawasan kajian yang dipilih untuk tujuan kajian ini ialah Tanjung Dawai. Kawasan ini merupakan salah satu kawasan tarikan pelancongan berasaskan pertanian yang terdapat di negara ini. Berdasarkan Rancangan Struktur Kuala Muda, kawasan ini juga merupakan salah satu kawasan yang telah dipilih untuk dibangunkan sebagai pusat pelancongan di negeri Kedah.

Tanjung Dawai merupakan sebuah perkampungan nelayan. Pada masa kini kawasan ini terkenal sebagai tempat memproses dan menjual berbagai-bagai hasil perikanan seperti belacan, ikan bilis, ikan kering, keropok dan sebagainya.

Tanjung Dawai terletak 38 kilometer dari Sungai Petani dan 18 kilometer dari Yan. Terdapat perkhidmatan bas ke sini dari bandar Alor Setar. Perkhidmatan teksi pula boleh di dapati di bandar berdekatan iaitu Sungai Petani, Yan dan juga Alor Setar.

Antara aktiviti-aktiviti menarik yang terdapat di sini ialah :-

- a) memancing bersama nelayan terutamanya di unjam-unjam yang di bina oleh LKIM.
- b) bersama nelayan ke laut.
- c) lawatan ke projek ternakan ikan dalam sangkar.
- d) lawatan ke kolam udang harimau.
- e) menjelajah hutan bakau dengan nelayan.
- f) berkelah di Pantai Merdeka.
- g) memancing ikan di unjam-unjam dan pulau berhampiran.
- h) berkayak di Sungai Merbok.

#### 1.4 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk menyediakan cadangan dan garis panduan yang sesuai untuk merancang dan melaksanakan kawasan pelancongan berasaskan pertanian supaya dapat menarik lebih ramai pengunjung mengunjungi tempat-tempat tersebut.

COPYRIGHT © UiTM

## 1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan tujuan kajian tersebut, empat objektif kajian telah dibentuk iaitu :-

- a) Mengkaji perancangan dan pelaksanaan kawasan pelancongan berasaskan pertanian yang dilaksanakan di negara ini.
- b) Mengkaji keadaan semasa di kawasan kajian bagi mengenalpasti potensi-potensi dan kelemahan-kelemahan yang ada serta masalah-masalah yang dihadapi di dalam perancangan dan pelaksanaan kawasan pelancongan berasaskan pertanian.
- c) Mengenalpasti isu dan masalah yang timbul di dalam perancangan dan pelaksanaan konsep kawasan pelancongan berasaskan pertanian khusus dari aspek perikanan.
- d) Mengemukakan cadangan dan garis panduan yang sesuai untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul.

COPYRIGHT © UiTM

PEROSYAR HAK CECERAMBAK